



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY

Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>



KITASELANGOR

Ruj Kami : PWN. SEL.600-5/3/6 Jld. 1 (4)
Tarikh : 28 Jumadal Akhirah 1447H
19 Disember 2025

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri

YB Dato' / Y.Bhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / Tuan / Puan,

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 6 TAHUN 2025: PEMBAYARAN PELARASAN GAJI (FASA 2) UNTUK PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MENGGUNAKAN SISTEM PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI (iSPEKS)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' / Y.Bhg. Dato' / YAA Dato' / SS Dato' / Tuan / Puan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 29/2024 pada 9 Oktober 2024 telah meluluskan Pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa pada 1 Disember 2024.
3. Selaras dengan keputusan tersebut, pembayaran pelarasan gaji bagi Fasa 1 telah selesai pada 19 Disember 2024. Manakala, pembayaran pelarasan gaji bagi Fasa 2 adalah pada **22 Januari 2026** bersekali dengan emolumen bulan Januari 2026.
4. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini telah menetapkan proses pelarasan gaji tersebut hendaklah dilakukan melalui Penyata Perubahan Gaji bulanan bulan Januari 2026. Bagi melancarkan pembayaran pelarasan gaji Fasa 2 melalui iSPEKS, tindakan yang perlu diambil oleh Jabatan/ Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut:
 - i. Membuat pengiraan pelarasan gaji secara manual berdasarkan data gaji bulan Disember 2025 yang diberikan oleh Pejabat Bendahari Negeri secara e-mel dalam format Excel sebagai panduan dan rujukan Jabatan/PTJ untuk mengunci masuk jumlah gaji baru bagi pegawai yang memilih skim SSPA;
 - ii. Mengunci masuk maklumat pegawai yang menerima opsyen SSPA dan layak menerima pelarasan gaji melalui Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) di Modul Gaji (PY) mulai 2 Januari 2026. Untuk mengelakkan kelewatan, dokumen sokongan/ Kew.8 (manual) dibenarkan untuk disediakan kemudian;

- iii. Mengemaskini perubahan maklumat kod skim perkhidmatan, gred perjawatan dan gred gaji selaras pelaksanaan SSPA jika berkaitan.
5. PTJ adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti dan memastikan perkiraan yang betul serta tepat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024. Sekiranya terdapat amaun yang telah dibayar kepada pegawai yang tidak layak, PTJ hendaklah mengutip semula amaun yang telah dibayar tersebut.
- Sekian. terima kasih.

"KITASELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD SABREE BIN YAAKUB) C.A(M)
Bendahari Negeri Selangor

Salinan Kepada:

YB. Pegawai Kewangan Negeri Selangor